

PROGRAM SEMARAK KEMERDEKAAN: KONVOI MAHABBAH

13 Sept 2022 | Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNS) dengan kerjasama Kelab Kebajikan dan Rekreasi JKSNS telah mengadakan Program Semarak Kemerdekaan: Konvoi Mahabbah pada 10 September 2022.

Aktiviti ini diketuai oleh Encik Zamrie bin Mohd. Peserta konvoi kali ini adalah di kalangan wargakerja JKSNS dan keluarga, termasuk YAA Dato' Abas bin Nordin (KHS Negeri Sembilan), Tuan Mohd Ridzwan bin Ghazali (Ketua Pendaftar), Tuan Muhammad Khairul Nizzam Bin Kassim (Pegawai Penyelidik Kanan) Aktiviti konvoi bermula dengan berkumpul pada 7.30 pagi di Stadium Paroi.

Kemudian peserta konvoi telah pergi menziarahi anak-anak yatim di Rumah Anak Yatim Darul Aminan, Gedung Lalang, Seremban. Sumbangan kewangan juga telah disampaikan kepada Pengerusi Rumah Anak Yatim tersebut, Puan Ruzita.

Kemudian peserta konvoi meneruskan perjalanan ke Muar untuk makan tengahari. Peserta konvoi juga singgah ke Mahkamah Syariah Muar untuk melihat keindahan bangunan yang boleh diadaptasi di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan. Peserta konvoi telah disambut oleh Tuan Muhd Helmi bin Kasman, Hakim MRS Muar dan wargakerjanya dengan sambutan yang amat baik.

Peserta konvoi juga telah singgah di Kota Al Hasanah di Sungai Rambai untuk menunaikan solat di Masjid Al-Hassanah. Kubah hijaunya mengingatkan pada kubah serupa di Masjid Nabawi. Peserta konvoi juga berkesempatan singgah di Mahkamah Syariah Sungai Rambai, Melaka yang bersebelahan dengan masjid tersebut.

Kemudian, peserta konvoi meneruskan ke destinasi terakhir untuk minum petang iaitu di Klebang Original Coconut Shake.

Semua peserta konvoi telah pulang pada pukul 5.30 petang dan selamat ke destinasi masing-masing kira-kira 7.00 malam

GALERI





